

SOALAN NO.: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]
TARIKH : 27 JULAI 2017
SOALAN : 20**

YB Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah terperinci yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan bilangan doktor psikiatri dan doktor psikologi klinik dalam Malaysia, serta jenis pelatihan yang sedang diberi kepada doktor yang aktif untuk meningkatkan tahap perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM sentiasa berusaha untuk memastikan rakyat sentiasa mendapat perkhidmatan dan penjagaan kesihatan mental yang terbaik. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi bilangan Pakar Psikiatri adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan slot tajaan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan untuk program sarjana kepakaran bagi bidang Psikiatri daripada 39 slot pada tahun 2012 kepada 49 slot pada tahun 2016.
- ii. Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- iii. Menggalakkan Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu bagi membantu perkhidmatan dan penjagaan kesihatan mental, Kerajaan turut meningkatkan bilangan Pegawai Psikologi (Klinikal) kepada 43 orang pada tahun 2017 berbanding dengan hanya 13 orang pada tahun 2014 iaitu peningkatan melebihi 200 peratus. Antara langkah lain yang sedang dan akan dilaksanakan oleh KKM adalah seperti berikut

- i. Seramai 13 Pegawai Psikologi (Umum) telah ditempatkan di bawah seliaan Pegawai Psikologi (Klinikal) di hospital tertentu pada tahun 2017.
- ii. Mendapatkan perkhidmatan dalam bidang psikologi klinikal dari Pensyarah Universiti Awam secara sesional. Sehingga Julai 2017, seramai 4 orang pensyarah sedang memberikan perkhidmatan psikologi klinikal secara sesional.

- iii. Menjalankan *outreach programme* (dengan izin) dan promosi kerjaya sebagai Pegawai Psikologi (Klinikal).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenis pelatihan yang sedang diberi kepada doktor yang sedang berkhidmat untuk meningkatkan tahap perkhidmatan mereka, Kementerian telah menyediakan peluang latihan dalam perkhidmatan untuk doktor di dalam negara dan juga di luar negara. Selain itu, Kementerian turut memberi peluang kepada doktor pakar untuk meningkatkan tahap perkhidmatan mereka dengan menyediakan biasiswa bagi mengikuti latihan subkepakaran di mana slot biasiswa subkepakaran telah ditingkatkan dari 35 biasiswa pada tahun 2002 kepada 150 semenjak tahun 2011.

Bagi pelatihan psikologi klinikal, Kementerian turut memberi peluang kepada 4 orang Pegawai Psikologi (Klinikal) untuk menghadiri latihan sangkutan di luar negara bagi meningkatkan tahap perkhidmatan mereka. (data dan maklumat tambahan) Pada masa yang sama, Pegawai Psikologi (Klinikal) juga mendapat pendedahan secara *on job training* (dengan izin) bersama Pakar Psikiatri.